

# Tujuh kakitangan UPM menang Anugerah Fellowship Naib Canselor

Oleh Noor Azam Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

**TUJUH** kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi empat Anugerah Fellowship Naib Canselor 2003, baru-baru ini.

Mereka ialah Prof Madya Dr Salihah; Prof Madya Dr Mohd Azmi Mohd Lila, Abdul Karim Shacerah Noh Shah, Rosmi Othman, Prof Madya Dr Husaini Omar, Siti Aminah Datuk Sani dan Tajuddin Abdul Manap.

Dr Salihah Siais, bekas Pengarah, Institut Pendidikan Jarak Jauh (Ideal) menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor kerana kecemerlangannya dalam Pengajaran.

Teknik pengajaran dan pembelajaran secara sistematis dan profesional mendapat sambutan baik di kalangan siswa di kampus itu.

Fellowship Naib Canselor kategori Cemerlang dalam Perkhidmatan Profesional pula diraih Ketua

Bahagian Pembangunan UPM, Abdul Karim dan Rosmi Othman selaku Ketua Bahagian Teknologi Maklumat UPM.

Ia dinilai berdasarkan kejayaan projek pembangunan di UPM yang konsisten, dedikasi menjalankan tugas pembangunan ini menjadi perhatian dan kebanggaan universiti.

Dua penyelidik terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa turut memenangi kategori cemerlang dalam penyelidikan.

Mereka ialah Dr Mohd Azmi yang mahir dalam bidang bioteknologi berdasarkan kejuruteraan genetik dan protein.

Beliau turut menghasilkan vaksin bagi mencegah penyakit serius sehingga mendapat 'kepercayaan' negara mengetuai projek bioteknologi dan bertugas sebagai Ketua Laboratori Imunoterapeutik dan Vaksin (Lives), Biosains, UPM.

Dr Husaini Omar selaku Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan (Akademik) pula mencipta alat ukur ketegangan tanah dan batuan sehingga mendapat pengiktirafan serta dipatenkan di luar negara.

Anugerah Fellowship Kategori Cemerlang dalam Perkhidmatan Sokongan, dimenangi Setiausaha di Pejabat Dekan Fakulti Sains Pengajian Alam Sekitar UPM, Siti Aminah dan Tajuddin dari Institut Biosains.

Semua pemenang menerima geran kewangan berjumlah RM10,000, sijil penghargaan dan cenderahati yang disampaikan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Majlis Pelancaran Hari Pensyarah dan Penganugerahan Fellowship Naib Canselor itu diadakan di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Dalam ucapannya, beliau berkata, anugerah itu adalah sebagai mengiktiraf usaha ditunjukkan semua kakitangan UPM dalam aktiviti berkaitan pengajaran, penyelidikan atau perkhidmatan profesional.

"Dengan pemberian peruntukan kewangan terpulang kepada pemenang menggunakan sebaik mungkin bagi membayai projek, lawatan atau kursus dijalankan," katanya.

Pejabat Pendaftar UPM menerima dan menilai ramai calon bagi setiap Anugerah Fellowship berkenaan yang terpaksa melalui beberapa syarat pemarkahan bagi setiap kategori.

Antara syaratnya, jumlah markah diperolehi dalam SSM, penilaian pelajar, rakan sejawat, bilangan kejayaan hasil penyelidikan dan sumbangan cemerlang ketika bertugas.

## MAJLIS PELANCARAN HARI PENSYARAH & PENGANUGERAHAN FELLOWSHIP NAIB CANSelor

DR. MOHD ZOHADIE  
NAIB CANSelor  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



CEMERLANG... pemenang Anugerah Fellowship UPM 2003 bergambar bersama Mohd Zohadie. Dari kiri, Tajuddin, Rosmi, Siti Aminah, Dr Abdullah, Mohd Zohadie, Dr Salihan, Dr Husaini, Dr Mohd Azmi, Abdul Karim, Sahar Jalldin (Presiden MPPUPM) dan Prof Dr Muhamad Awang (Timbalan Naib Canselor Akademik).